

# RM35 juta rancakkan ekosistem

## wakaf negara

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menuntut kerjasama semua pihak, termasuk pemilik syarikat besar bersama menyumbang kepada tabung wakaf.

Perdana Menteri berkata, ini kerana tanggungjawab itu bukan hanya pada satu pihaknya atau kerajaan semata-mata, sebaliknya memerlukan usaha bersepadu mencakupi segenap peringkat masyarakat, demi merencanakan aktiviti itu bagi tujuan pembangunan sejagat.

Bagaimanapun, katanya, permintaan itu bukanlah satu arahan, sebaliknya tetapi berharap ia dilakukan dengan keikhlasan.

“Soal wakaf ia tanggungjawab bersama. Pemerintah pun ada tugas dan kebertanggungjawaban. Tapi umat pun (ada peranan dan tanggungjawab). Ia adalah tuntutan kepada semua agar memberi sumbangan kepada sedaya upaya atau sekecil mana pun.

“Jadi berikan sedikit sumbangan kerana (tuntutan dalam) Islam (menyarankan agar) menggerakkan setiap anggota masyarakat dalam semua kegiatan. Wakaf ini tak bermakna kerajaan akan ketepikan hak asasi dengan menggunakan dana secara bertanggungjawab, tidak gunakan kuasa, tidak gunakan kedudukan demi kepentingan diri.

“Kita minta sumbangan daripada rakyat biasa, pegawai kerajaan beri RM10, RM100 sumbangan gaji dia yang halal. Orang curi ratusan juta ringgit, kita yang dalam sistem pula harus biarkan dengan pelbagai alasan. Ini harus diperbetulkan.

“Beri kesedaran kepada mereka. Semua yang bertanggungjawab. Jangan tunggu jadi kaya-raya untuk berwakaf. Tetapi sumbangan tiap individu itu penting. Saya tidak mahu beri arahan kepada sesiapa untuk tetapkan sumbangan zakat.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan sambutan Bulan Wakaf Kebangsaan 2025 bertemakan Wakaf Membangun Malaysia MADANI di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Pada masa sama, Anwar mengumumkan dana RM35 juta untuk merencanakan ekosistem ekonomi wakaf di negara ini.

Katanya jumlah itu, RM30 juta disalurkan menyokong program myWaqafPTPTN dan RM5 juta untuk pembentukan Permodalan Wakaf Nasional Berhad.

“Jadi dana ini yang diluluskan setakat ini untuk sokongan ekonomi wakaf di Malaysia. RM30 juta untuk program myWaqafPTPTN. Yang ini, biasiswa wakaf pendidikan yang diuruskan oleh Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Malaysia (PTPTN),” katanya.